

'Sekarang  
tidak ada  
team A,  
tidak ada  
team B.  
Yang ada  
hanya  
team  
UMNO'

**TOKOH<sup>2</sup> UMNO  
SOKONG SERUAN  
MAHATHIR  
SUPAYA  
SEMUA  
AHLI BERSATU  
SEMULA**

**Hapuskan  
'team' A dan B**

UM 14 SEP 1987

**KUALA LUMPUR 13 Sept.**  
**Tokoh - tokoh UMNO di peringkat negeri dan bahagian di seluruh negara mahukan ahli-ahli parti, tanpa mengira jawatan dan pengaruh, merapatkan semula barisan perpaduan kerana ia merupakan senjata penting ke arah membina kekuatan parti.**

Mereka gembira menyambut kenyataan Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahatir Mohamad kelmarin bahawa kini tidak ada lagi team A atau team B dalam UMNO,

dan yang ada hanyalah team UMNO. Sambil mengalu-alukan pendirian Perdana Menteri itu, tokoh-tokoh UMNO tersebut mengingatkan bahawa kenyataan presiden parti itu lahir dari hati yang ikhlas dan ia perlu disambut dengan sikap yang positif.

Bekas Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman yang turut menyokong seruan Perdana Menteri itu berpendapat, usaha pemulihan perpaduan UMNO perlu dilakukan sekarang kerana kekuatan UMNO bukan sahaja akan memberi faedah kepada bangsa Melayu bahkan juga kepada seluruh rakyat dan negara.

Dalam hubungan ini Tunku menyarankan Perdana Menteri selaku presiden parti menjemput bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam dan

bekas Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Tengku Razaleigh Hamzah berunding bagi menyatupadu dan memperkukuhkan UMNO. Menteri Besar Perak, Dato'

**LIHAT MUKA 6**

## HAPUSKAN "TEAM" A DAN B

UM 14 SEP 1987

Sri Ramli Ngah Talib pula mengingatkan bahawa perpaduan parti adalah hasrat dan impian setiap pemimpin UMNO dan dengan itu setiap anggota parti hendaklah bersedia untuk bersatu membersihkan persengketaan yang tercetus di dalamnya supaya perpaduan dapat dikembalikan. Mereka mengulas kenyataan Perdana Menteri ketika berucap di majlis perjumpaan dengan kira-kira 100 orang pemimpin bahagian dan cawangan UMNO Labuan kelmarin yang antara lain meminta anggota UMNO kembali bersatu kerana pemilihan pucuk pimpinan parti telahpun berlalu. "Sekarang tidak ada lagi team A atau team B. Yang ada hanya team UMNO," kata Datuk Sri Dr. Mahathir. Berucap di majlis Malam Senandung Mesra 30 Tahun Merdeka di Alur Setar malam tadi, Tunku berkata, segala usaha haruslah dilakukan untuk mengukuhkan UMNO. Katanya, "UMNO itu Melayu" dan jika UMNO lemah, perpaduan orang

Pinawa, beliau menyeru supaya kenyataan presiden parti diberi perhatian serius dalam usaha menentukan UMNO tetap kuat, teguh dan bersatu. Di Johor Baharu: Ketua Pergerakan Wanita UMNO bahagian Paguh, Johor, Puan Sabariah Ahmad, keputusan yang dibuat oleh perwakilan dalam pemilihan yang lalu adalah muktamad dan seharusnya tidak timbul lagi soal berbecha - belah. Katanya, kemenangan yang diperolehi oleh pimpinan sekarang dengan kelebihan undi yang sedikit, tidak seharusnya dijadikan titik-tolak untuk mencetuskan persengketaan. Menurutnya, sudah tiba masanya ahli-ahli UMNO bersatu di bawah kepimpinan Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad dan mematuhi saranan yang dibuat oleh pemimpin - pemimpin di peringkat cawangan, bahagian, negeri dan seterusnya di peringkat Pusat. Datuk Haji Yunus Sulaiman selaku Timbalan Ketua UMNO bahagian Pulau pula bangga dengan saranan yang dibuat secara

Ahli Parlimen Balik Pulau, Haji Subky Abdul Raof yang juga Setiausaha UMNO bahagian Balik Pulau berkata, sekarang bukanlah masanya untuk mempertikaikan soal team kerana yang penting ialah semangat ahli-ahli parti dalam menghadapi cabaran, khususnya mengenai ekonomi negara. Beliau berpendapat, ahli - ahli dan pemimpin UMNO perlu bekerja keras untuk mempertingkatkan lagi ekonomi bangsa Melayu dan bukannya bersengketa yang tidak memberi faedah kepada parti. Pemangku Ketua UMNO bahagian Bayan Baharu, Haji Hamid Araby mahu supaya ahli-ahli UMNO melupakan terus soal team A dan team B. "Saranan Datuk Sri Dr. Mahathir ikhlas. Kalau orang - orang Melayu berpecah, khususnya di kalangan ahli-ahli UMNO, tidak ada sesiapa yang akan dapat mempertahankan maruah dan membela nasib bangsa Melayu," katanya. Di Kuantan: Naib Ketua Wanita UMNO Pahang Darulmakmur, Hajah Kamariah Noh berkata,

masalah dan persengketaan di masa lalu dihapuskan. "Pemilihan telah berlalu. Berilah sokongan kepada Datuk Sri Dr. Mahathir supaya beliau dapat menumpukan sepenuh perhatian ke arah tugas serta tanggungjawab untuk membangunkan negara," katanya.

Di Kuala Lumpur: Ketua Penerangan Badan Perhubungan UMNO Selangor Darul Ehsan, Encik Sharif Jajang berkata, Datuk Sri Dr. Mahathir mengemukakan satu permintaan yang ikhlas bagi membolehkan beliau menerajui parti ke arah yang lebih mantap. "Mesti ada kompromi. Kalau satu pihak sudah menghulurkan tangan, makan sambutlah ia dengan semangat ukhtwah Islamiah," katanya yang juga ahli Parlimen Sepang. Pendapatnya disokong oleh Ketua UMNO bahagian Kuala Langat, Haji Basri Bajuri yang berkata, di dalam politik tidak ada permusuhan yang kekal. Katanya, UMNO harus memperkukuhkan asas yang telah dibina kerana matlamat dan perjuangan anggota - anggota parti

Melayu tergugat dan kestabilan negara juga akan turut terjejas.

Di **Ipoh**: Dato' Sri Ramli berkata, saranan Datuk Sri Dr. Mahathir adalah tepat pada masanya dan semua pemimpin serta ahli UMNO mestilah memberikan perhatian ke arah membina kembali ikatan perpaduan. Beliau menasihatkan semua pihak supaya memberi kepercayaan kepada pucuk pimpinan yang ada sekarang untuk mencorakkan masa hadapan negara yang lebih bermaruah.

Ketua UMNO bahagian Batu Gajah, Perak, **Encik Mohd Yusof Kassim** yang mengakui dirinya sebagai kumpulan team B ketika berkempen berkata, semua pihak telah menerima pemimpin yang menang dalam pemilihan lalu. Tegasnya, dalam

menghadapi maruah bangsa, agama dan negara, UMNO tidak berpecah malah barisan perjuangan semakin mantap.

Bagi Ketua UMNO bahagian Sungai Siput, **Meor Osman Imam**

jujur oleh Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad. Katanya, dalam perjuangan sepatutnya tidak ada team A atau B kerana tujuannya adalah untuk bangsa, agama dan negara.

Beliau yang juga Exco kanan kerajaan negeri berkata, sudah tiba masanya ahli-ahli UMNO menyahut saranan Datuk Sri Dr. Mahathir kerana selepas ini banyak lagi liku yang perlu dilalui oleh UMNO secara bersama dan bersatu-padu.

Di **Pulau Pinang**: Ketua UMNO bahagian Bukit Bendera, Syed Mohamed Aidid menegaskan, perpaduan mesti terus wujud di kalangan semua peringkat supaya rakyat tidak merasa gelisah terhadap pucuk pimpinan UMNO yang merupakan tulang belakang kerajaan Barisan Nasional.

Menurutnya, dalam UMNO seharusnya tidak ada team kerana ahli-ahli parti berkhidmat untuk perjuangan yang sama dan menyokong pemimpin yang dipilih dengan cara demokrasi.

tidak ada gunanya ahli-ahli UMNO bersengketa sesama sendiri sedangkan masa depan negara dan orang Melayu sentiasa menghadapi cabaran. Bagaimanapun, Hajah Kamariah yang juga ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Tahan mahu supaya pucuk pimpinan parti mengadakan perjumpaan dengan pemimpin - pemimpin peringkat negeri secara jujur dan ikhlas tanpa mengambil kira daripada golongan mana mereka dilabelkan.

Ketua UMNO bahagian Raub, Haji Mazlan Idris menyifatkan saranan Datuk Sri Dr. Mahathir sebagai tanda kejujuran beliau yang mahu semua ahli parti bersatu - padu.

Kata Haji Mazlan, ahli-ahli UMNO perlu bersama - sama berganding bahu dengan pucuk pimpinan parti untuk mencapai apa yang dicita - citakan, iaitu perpaduan bangsa Melayu. Pandangan Haji Mazlan disokong oleh Ketua UMNO bahagian Lipis, Encik Omar Osman yang menyeru supaya semua

adalah ke arah yang sama. Di **Alur Setar**: Ketua UMNO bahagian Jerai, **Datuk Haji Abdullah Ismail** berharap ia akan mendapat sambutan dari seluruh ahli UMNO dan pemimpin parti.

Ditanya cadangan Tunku Abdul Rahman supaya Datuk Sri Dr. Mahathir menjemput bekas menteri kabinet, Tengku Razaleigh Hamzah dan Datuk Musa Hitam supaya berunding, Datuk Abdullah yang juga Exco kerajaan negeri berkata perkara itu terpulung kepada Perdana Menteri sendiri.

Bagaimanapun, beliau yakin semua pihak harus memberi sambutan dan memainkan peranan masing - masing bagi memulihkan semula perpaduan UMNO di negara ini.

Ketua UMNO bahagian Baling, **Haji Zafinol Md Isa** ketika menyokong kenyataan Datuk Sri Dr. Mahathir itu berharap semua pemimpin menuju ke arah bagi mencapai perpaduan parti bagi menjadikan UMNO kuat dan dihormati oleh semua pihak jika ahli - ahlinya bersatu.